

Headline	Program pokok angkat bantu pulihara hutan di Perak		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	20 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	8	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	207 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,881
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,642



## Program pokok angkat bantu pulihara hutan di Perak

**Ipo:** Perak bakal memperkenalkan projek Perak Oxygen Land Bank sebagai usaha merancang aktiviti pemuliharaan hutan di negeri itu.

Pengarah Perhutanan Perak, Datuk Mohamed Zin Yusop, berkata menerusi program itu, badan korporat dan individu diberi peluang mengambil dan menjadikan pokok di hutan simpan di Perak sebagai pokok angkat.

"Program pokok angkat ini dilaksanakan di dua lokasi, iaitu di Taman Negeri Royal Belum dan di Hutan Simpan Chikus.



Mohamed Zin Yusop

Majlis itu turut dihadiri Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu dan isteri, Datin Seri Dr Nomee Ashikin Mohammed Radzi.

### Konsep jual, dijaga setahun

Mohamed Zin berkata, program akan dilancarkan Ahmad Faizal dalam tempoh terdekat itu menggunakan konsep menjual pokok kepada individu atau syarikat korporat dan pokok dijaga dalam tempoh setahun.

Beliau berkata, antara pakej mungkin dicadangkan untuk ditawarkan pada program itu seperti berharga RM5,000 setahun bagi pokok berukuran diameter 30 sentimeter (sm) dan ke atas.

Katanya, pokok dibeli itu akan dipelihara selama setahun sebagai usaha memastikan kelestarian alam sekitar pada masa depan.

"Program ini bermula di Hutan Simpan Chikus membabitkan kawasan berkeluasan 10 hektar daripada keluasan keseluruhan 71.5 hektar hutan simpan berkenaan yang meliputi 44 spesies pokok bakal dijual dengan kaedah berfasa.

### Proses banciaan petak

"Bagi Taman Negeri Royal Belum pula, dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM), kita akan membuat proses banciaan petak terlebih dahulu kerana ia berbeza dengan Hutan Simpan Chikus dan membabitkan pokok semula jadi daripada pelbagai spesies," katanya.

Justeru, beliau berharap mana-mana individu, syarikat korporat atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkemampuan menghubungi jabatan itu untuk menyertai program berkenaan.

Katanya, pihaknya juga akan bekerjasama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi membolehkan peserta yang menyertai program itu menerima Sijil Pelepasan Cukai.